

**Minda  
Pengarang**

## Banteras produk farmaseutikal palsu di pasaran

Pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) perlu menyiasat dakwaan kumpulan ekstremis kesihatan yang mendakwa penggunaan minyak aromaterapi mampu menggantikan perubatan moden, seperti dide dahakan akhbar ini kelmarin.

Pakar berpendapat minyak aromaterapi tulen boleh mengakibatkan komplikasi kesihatan jika ia terdedah secara langsung kepada manusia antaranya boleh menjasaskan saluran pernafasan dan mendatangkan kegatalan kulit.

Justeru, siasatan menyeluruh harus dilakukan bukan sahaja membabitkan minyak aromaterapi, malah dakwaan lain sehingga wujud kumpulan yang dinamakan golongan antivaksin, pelampau suplemen dan doula tidak bertauliah yang masih sukar dikekang kerana ramai terpengaruh dengan dakyah serta amalan mengelirukan.

Kementerian Kesihatan perlu menyenaraikan di laman web produk yang ia iktiraf sebagai produk farmaseutikal, manakala KPDKKK harus membuat pemeriksaan serta serbuhan ke atas produk yang tidak diiktiraf itu dijual di pasaran.